**Semester Khas: (Julai 2020 -Ogos 2020)**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
KPR3028	Latihan Mengajar / Praktikum I	4
	<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>

KPR3028 akan dijalankan pada setiap semester khas dan hanya pelajar semester 5 ke atas ahaja yang dibenarkan. Gred SM akan diberikan.

**Semester 6: (Sept 2020 – Dis 2020)**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
KAK3013	Mathematics for Young Children	3
KAA3063	Pengurusan Pusat Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak	3
KAC3023	Early Childhood Curriculum	3
	Minor 3	3
	Minor 4	3
	Minor 5	3
* KAR3996	Projek Tahun Akhir (Gred SM)	
<b>JUMLAH</b>		<b>18</b>

\* Kuliah 3 waktu seminggu. Akhir semester tiada markah. Gred akhir dikira pada semester 8.

**Semester 7: (Feb 2021 – Jun 2021)**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
KPR3012	Seminar Refleksi Praktikum	2
KAR3996	Projek Tahun Akhir	6
	Minor 6	3
	Minor 7	3
	Minor 8	3
<b>JUMLAH</b>		<b>17</b>

**Semester 8: (Julai 2021 - Ogos 2021)**

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT
KPR3028	Latihan Mengajar / Praktikum II	4
<b>JUMLAH</b>		<b>4</b>

## SINOPSIS KURSUS UNIVERSITI

### **BIU2012 English Proficiency 1**

**2 Kredit**

Kursus untuk pelajar yang hanya mempunyai pengetahuan asas dalam Bahasa Inggeris dengan penekanan pada struktur Bahasa Inggeris dan penggunaannya dalam pelbagai situasi.

### **BIU2022 English Proficiency 2**

**2 Kredit**

Kursus ini membangunkan dan mengembangkan pengetahuan dan keempat-empat kemahiran bahasa untuk penggunaan Bahasa Inggeris dengan berkesan di kalangan pelajar. Ini dicapai dengan memberikan dan melibatkan pelajar dalam aktiviti-aktiviti bahasa yang akan mendedahkan mereka kepada penggunaan tatabahasa Bahasa Inggeris yang betul dengan berkesan dalam pelbagai situasi.

### **BIU2032 English Proficiency 3**

**2 Kredit**

Ini merupakan kursus peringkat pertengahan atas yang meningkatkan keupayaan pelajar untuk membina struktur ayat majmuk dengan menggunakan frasa dan klausa yang berkaitan. Pelajar dapat menyatakan persetujuan dan bantahan dengan justifikasi yang baik dalam aktiviti mendengar dan bertutur. Pelajar boleh membuat inferens, membuat kesimpulan dan meramalkan hasil dari bahan bacaan. Tatabahasa berfokus membantu pelajar dalam menulis laporan, eseи naratif dan sebab dan akibat.

### **BIU2042 English Proficiency 4**

**2 kredit**

Ini adalah kursus bahasa Inggeris peringkat tinggi untuk pelajar yang sudah biasa dengan kebanyakan corak struktur bahasa Inggeris dan boleh menggunakanannya dalam kedua-dua situasi akademik dan tempat kerja. Ia meningkatkan keupayaan pelajar untuk membina struktur kompleks, menyampai dan menilai hujah-hujah secara sistematis dalam aktiviti mendengar, bertutur dan menulis. Pelajar menguasai kemahiran membaca kritikal dengan menilai maklumat daripada bahan bacaan dan menulis eseи proses, membandingkan dan membezakan, dan perbahasan.

### **KKD2063 Pembangunan Sahsiah**

**3 Kredit**

Kursus ini membincangkan falsafah; konsep sahsiah pendidik; teori-teori berkaitan pembangunan sahsiah; meningkatkan kemahiran insaniah, kemahiran asas kaunseling, dan nilai murni pelajar; serta menjustifikasi isu sahsiah guru berlandaskan moral dan etika profesion keguruan.

### **HNS2013 Kenegaraan**

**3 Kredit**

Kursus ini memberi penekanan kepada aspek-aspek kenegaraan di Malaysia. Ini meliputi sejarah dan perkembangan tamadun, perlembagaan dan dasar-dasar kerajaan dalam proses pembinaan negara bangsa.

### **BMW3032 Wacana Akademik Bahasa Melayu**

**2 Kredit**

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran komunikasi dalam wacana akademik pelajar mengikut disiplin masing-masing. Penekanan diberi pada kedua-dua kemahiran bahasa, iaitu kemahiran reseptif dan kemahiran produktif. Pelajar akan didedahkan dengan teori dan ciri wacana akademik dalam mengaplikasikan kemahiran komunikasi secara berkesan.

**HNF3012 Falsafah Ilmu**

**2 kredit**

Kursus ini membincangkan konsep ilmu dan falsafah, sumber dan klasifikasi ilmu, manusia dan akal, dan kepentingan ilmu dalam mengangkat martabat manusia. Aspek perbandingan antara falsafah ilmu Islam dan Barat turut di bincang dari aspek aksiologi, ontologi dan epistemologi bagi mendedahkan pelajar akan persamaan dan perbezaan yang disumbangkan oleh kedua-dua pemikiran ini dalam tamadun manusia.

**MTE3012 Kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

**2 kredit**

Kursus ini akan menyediakan para pelajar dengan pengetahuan asas, prinsip dan kemahiran mengenai teknologi maklumat dan komunikasi. Selain daripada itu, para pelajar akan diberi kemahiran menggunakan perisian-perisian yang disokong oleh elemen multimedia, Internet dan komunikasi bagi meningkatkan kualiti tugas yang disediakan. Pelajar juga akan didedahkan kepada keselamatan, etika, penulisan teknikal dan profesionalisma dalam ICT.

**SENARAI DAN SINOPSIS KURSUS PENGAYAAN DIRI**

BIL	KOD	NAMA KURSUS	KREDIT	FAKULTI
1.	PPP3052	Pemimpin dan Kepimpinan	2	Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
2.	PPB3132	Pemikiran Strategik dan Inovatif	2	
3.	PPI3012	Budaya Keusahawanan	2	
4.	PPB3142	Pengurusan Acara	2	
5.	PFM3022	Pengurusan Kewangan Peribadi	2	
6.	KKP3032	Kaunseling dalam Islam	2	Fakulti Pembangunan Manusia
7.	KKP3042	Kemahiran Belajar	2	
8.	KKP3022	Pengurusan Stres	2	
9.	KKP3012	Bimbingan dan Penasihat	2	
10.	KBK3012	Kesihatan Seksual dan Reprouktif Murid Berkeperluan Khas	2	
11.	QUI3012	Kemahiran Rekreasi Darat	2	Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan
12.	QUI3022	Kemahiran Rekreasi Air	2	
13.	AMS3132	Aplikasi Gitar	2	Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
14.	AMM3082	Muzik Tradisional Malaysia	2	
15.	AMM3012	Apresiasi Muzik	2	
16.	AMM3122	Muzik Popular	2	
17.	HIS3012	Muamalat Islam	2	Fakulti Sains Kemanusiaan
18.	HGF3012	Konservasi Air	2	

BIL	KOD	NAMA KURSUS	KREDIT	FAKULTI
19.	BMK3052	Asas Kewartawanan	2	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
20.	BSK3082	Penulisan Puisi Untuk Penerbitan	2	
21.	BIK3052	Pemikiran Kritis	2	
22.	BCK3012	Bahasa Mandarin Komunikasi 1	2	
23.	BGK3012	Bahasa Jerman Komunikasi 1	2	
24.	BJK3012	Bahasa Jepun Komunikasi 1	2	
25.	BFK3012	Bahasa Perancis Komunikasi 1	2	
26.	BPK3012	Bahasa Sepanyol Komunikasi 1	2	
27.	BAK3012	Bahasa Arab Komunikasi 1	2	
28.	BNK3042	Bahasa Iban Komunikasi	2	
29.	BNK3052	Bahasa Iban Kontekstual	2	
30.	ASP3082	Kreativiti Dalam Seni Visual	2	Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
31.	ASP3092	Seni Dan Pendidikan	2	
32.	ASL3082	Estetika Seni Visual	2	
33.	AVD3102	Studio Reka Bentuk Grafik	2	
34.	AVD3112	Ilustrasi	2	
35.	AVD3122	Fotografi	2	
36.	MMA3022	Animasi	2	
37.	MTP3022	Integrasi Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan	2	
38.	MMP3032	Pengarangan Koswer Multimedia	2	
39.	MTS3042	Pembangunan Blog Dan Laman Web	2	
40.	MTD3062	Aplikasi Perkhidmatan Internet	2	
41.	SSF3012	Pengenalan Kepada Astronomi	2	Fakulti Sains dan Matematik
42.	SSF3022	Pemikiran Seorang Saintis	2	

**PPP3052 Pemimpin Dan Kepimpinan** **2 Kredit**

Kursus ini membincangkan konsep asas kepimpinan, perbezaan antara pemimpin dan pengurus, serta kemahiran-kemahiran kepimpinan dalam era pengetahuan. Kursus ini turut memberi fokus kepada perspektif-perspektif peribadi pemimpin yang beretika; pemimpin sebagai pemangkin hubungan manusia; dan pemimpin sebagai seorang perancang strategi yang menetapkan hala tuju; mencari keseimbangan antara organisasi dan pengikut; dan menghasilkan perubahan bermakna. Pelajar juga akan didedahkan dengan kemahiran komunikasi, dan strategi membuat keputusan. Turut dibincangkan isu dan cabaran kepimpinan.

**PPB3132 Pemikiran Strategik Dan Inovatif** **2 Kredit**

Kursus ini membincangkan dan menganalisis beberapa teori dan model pemikiran strategik dan inovatif dalam pendidikan. Pelajar didedahkan dengan aspek-aspek falsafah, teori dan model dari sumber-sumber Islam, nilai-nilai universal, teori-teori barat dan kebudayaan masyarakat majmuk Malaysia. Kursus ini juga membincangkan dan menganalisis implikasi dan aplikasi kemahiran setiap teori dan model dalam pemikiran strategik dan inovatif.

**PPI3012 Budaya Keusahawanan****2 Kredit**

Kursus ini memberi fokus kepada pengajian keusahawanan dan kemahiran perniagaan dengan penekanan terhadap pelaksanaan pembelajaran secara interaktif. Para pelajar akan didedahkan dengan teori, konsep serta amalan keusahawanan yang berkesan. Mereka dikehendaki untuk mengendalikan satu projek inovasi atau perniagaan serta menyediakan satu Rancangan Perniagaan untuk merealisasikan inovasi tersebut.

**PPB3142 Pengurusan Acara****2 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan kepada para pelajar tentang proses berkaitan perancangan dan pengurusan dan operasi sesuatu acara. Kursus ini adalah menyeluruh dan melibatkan pelbagai peringkat bermula daripada penyediaan kertas cadangan dan belanjawan diikuti dengan perancangan dan penjadualan acara, pembentukan jawatankuasa, pengurusan logistik, pemasaran, siaraya dan keperluan lain dalam menjayakan sesuatu acara.

**PFM3022 Pengurusan Kewangan Peribadi****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan aspek-aspek utama dalam perancangan kewangan keluarga seperti tabungan, perlindungan insurans, perancangan pendidikan anak-anak serta strategi pelaburan bagi meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Penekanan diberikan ke atas analisis perbelanjaan keluarga, pengurusan cukai individu, pengurusan kewangan sebelum persaraan serta kepentingan nilai masa wang.

**KKP3032 Kaunseling Dalam Islam****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan konsep dan keperluan kaunseling mengikut pandangan Islam. Kursus ini memfokuskan kepada kemahiran, teknik dan pendekatan kaunseling yang berpandukan amalan Islam. Kursus ini juga meningkatkan kemahiran dalam meneroka perbezaan dan persamaan pandangan antara kaunseling Barat dan Islam. Perbincangan tentang pembangunan ciri-ciri dan sikap kaunselor muslim juga menjadi fokus kursus ini.

**KKP3042 Kemahiran Belajar****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan konsep kemahiran belajar serta teknik-teknik yang boleh dipelajari dari berbagai sumber. Kursus ini memfokus kepada kesesuaian kemahiran belajar mengikut personaliti diri individu yang terlibat dan bagaimana hendak mengadaptasikan kemahiran belajar dengan kesan yang optimum. Perbincangan tentang bagaimana menggunakan kemahiran belajar dengan teknik dan strategi yang betul dapat menjimatkan banyak masa untuk belajar. Beberapa model kemahiran belajar juga menjadi tumpuan dalam kursus ini.

**KKP3022 Pengurusan Stres****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan tentang stres, ciri-ciri stres, implikasi stres, faktor-faktor stres, kaedah menangani stres berdasarkan kepada perubahan cara hidup, kaunseling dan psikoterapi dan rawatan fizikal, mencegah stres daripada kehidupan.

**KKP3012 Bimbingan Dan Penasihat****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan konsep pelaksanaan bimbingan dan penasihat di sekolah. Kursus ini memberi kefahaman mengenai budaya sekolah, gejala sosial dan isu-isu semasa dengan keperluan dan kepentingan aspek bimbingan dan penasihat. Kemahiran asas, pendekatan, strategi dan teknik dalam bimbingan dan penasihat juga menjadi tumpuan dalam kursus ini.

**KBK3092 Kesihatan Seksual Dan Reproduktif Murid Berkeperluan Khas**

**2 Kredit**

Kursus ini membincangkan tentang isu-isu kesihatan seksual dan reproduktif semasa murid-murid berkeperluan khas. Ia menerangkan tentang pendekatan yang boleh diaplikasikan untuk mengajar murid-murid berkenaan tentang kesihatan seksual dan reproduktif. Ia juga menghuraikan tentang kepentingan berkomunikasi dengan ibu bapa dalam menangani masalah kesihatan seksual murid berkeperluan khas. Keselamatan diri serta pencegahan dari gejala gangguan dan penderaan seksual juga akan dibincangkan.

**QUI3012 Kemahiran Rekreasi Darat**

**2 Kredit**

Kursus ini memfokuskan kepada pengurusan dan latihan kemahiran asas dalam aktiviti rekreasi darat. Mengaplikasikan kaedah sains sukan khusus untuk membina kecergasan dan kemahiran dalam setiap aktiviti. Aspek pengetahuan asas dalam aktiviti rekreasi darat juga turut dibincangkan.

**QUI3022 Kemahiran Rekreasi Air**

**2 Kredit**

Kursus ini membincangkan aspek-aspek pengetahuan asas, peralatan, teknik dan pengurusan sistematis dalam aktiviti rekreasi air. Penumpuan khusus ditekankan terhadap kemahiran, keyakinan diri, kecergasan fizikal dan mental dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah sains sukan.

**AMS3132 Aplikasi Guitar**

**2 Kredit**

Kursus ini memberi fokus kepada teknik permainan gitar serta persembahan secara solo dan berkumpulan. Kuliah dijalankan secara hands-on di mana pelajar akan diperkenalkan kepada teknik-teknik permainan tangan kanan dan kiri, bacaan semerta, mengiringi nyanyian serta menciptaan lagu melalui gitar.

**AMM3082 Muzik Tradisional Malaysia**

**2 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan kepada beberapa muzik klasik, rakyat, sinkretik di Malaysia. Pelajar berpeluang mengenali dan mengkaji sejarah, pengaruh, fungsi dan elemen-elemen muzik sesebuah masyarakat atau kaum di Malaysia. Pelajar juga berpeluang mendapat pendedahan secara amali beberapa muzik tradisional yang dipilih.

**AMM3012 Apresiasi Muzik**

**2 Kredit**

Kursus ini akan membentuk pelajar menjadi pendengar yang aktif dan boleh menilai muzik berdasarkan pemahaman tentang konsep serta elemen muzik. Pelajar berpeluang mendengar pelbagai jenis genre muzik, alat muzik dan akan memahami bagaimana aktiviti muzik berlaku dan berkembang dalam berbagai budaya.

**AMM3122 Muzik Popular**

**2 Kredit**

Kursus ini akan membincangkan tentang perkembangan Muzik Popular Dunia dan pengaruhnya terhadap budaya Muzik Popular tempatan. Pelajar akan meneroka dan mengkaji perkaitan elemen muzik, sosial, ekonomi dan perkembangan teknologi dan bagaimana ianya dapat menterjemahkan nilai budaya setempat. Melalui amali pelajar juga berpeluang mempersempurnakan genre-genre Muzik Popular yang terpilih.

**HIS3012 Muamalat Dalam Islam**

**2 Kredit**

Kursus ini membincangkan konsep harta, aqad, transaksi serta instrumen-instrumen yang diktiraf dalam Islam berasaskan fiqh klasik serta penggunaannya dalam muamalat semasa.

**HGF3012 Konservasi Air****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan sumber dan bekalan air, dan mengenal pasti kepentingan sumber air yang bersih dalam kehidupan. Ia juga mengenal pasti kegiatan manusia yang memberi ancaman kepada kualiti dan kuantiti air dan pelaksanaan amalan-amalan terbaik bagi memelihara keberterusan sumber air yang bersih dalam ekosistem.

**BMK3052 Asas Kewartawanan****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan konsep dan teori kewartawanan dalam media cetak. Antara aspek yang dibincangkan ialah teknik penulisan berita dan rencana, fungsi editorial, kewartawanan foto, etika, agenda media, sumber berita, penyuntingan, reka bentuk dan reka letak, akta media cetak serta cabaran dalam bidang kewartawanan.

**BSK3082 Penulisan Puisi Untuk Penerbitan****2 Kredit**

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kemahiran penciptaan puisi Melayu, khususnya puisi Melayu moden bagi tujuan penerbitan. Aspek teknikal penulisan dan proses penerbitan diberi tumpuan dalam kursus ini. Selain itu, pelajar juga diberi panduan memahami proses kreatif sebagai pengetahuan asas dalam penciptaan karya puisi.

**BIK3052 Pemikiran Kritis****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan elemen-elemen dalam pemikiran kritis dan teori-teori kognitif yang berkaitan dengan pemikiran kritis. Kursus ini menumpukan pada proses kognitif yang berlaku ketika murid melaksanakan sesuatu tugas. Pelajar dikehendaki menggunakan pelbagai kemahiran berfikir bagi membincangkan isu-isu terkini.

**BCK3012 Bahasa Mandarin Komunikasi I****2 Kredit**

Kursus ini menekankan penguasaan asas bahasa Cina. Fokus diberi kepada aspek pembentukan suku kata dalam bahasa Cina, perubahan suku kata dalam percakapan dan simbol fonetik Cina berdasarkan Hanyu Pinyin. Pelajar juga diajar cara menulis strok-strok asas tulisan Cina dan kemahiran asas komunikasi bahasa Cina seperti kemahiran mendengar, bercakap, membaca dan menulis.

**BGK3012 Bahasa Jerman Komunikasi I****2 Kredit**

Kursus ini menekankan penguasaan asas bahasa Jerman. Penekanan diberi kepada menguasai kemahiran bertutur dan menulis, mengenali huruf-huruf "Umlaut" dan nombor dalam penulisan bahasa Jerman. Fokus juga diberi kepada mempelajari tatabahasa asas, istilah jantina, kata kerja dan konjugasi. Pelajar juga diajar mengenai budaya dan masyarakat Jerman menerusi puisi, lagu-lagu dan bahan-bahan cetakan dari internet.

**BJK3012 Bahasa Jepun Komunikasi I****2 Kredit**

Kursus ini menekankan penguasaan kemahiran asas bahasa Jepun. Pelajar diajar sistem fonetik, huruf dan frasa kata bahasa Jepun. Ini termasuk cara sebutan huruf, frasa kata dan tulisan Jepun seperti romanji, hiragana, katakana. Fokus juga diberi kepada menguasai kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Jepun seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

**BFK3012 Bahasa Perancis Komunikasi I****2 Kredit**

Kursus ini menekankan penguasaan kemahiran asas bahasa Perancis. Pelajar diajar sistem fonetik, huruf, frasa kata dan asas tulisan bahasa Perancis. Fokus juga diberi terhadap menguasai kemahiran asas berkomunikasi dalam bahasa Perancis seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

**BPK3012 Bahasa Sepanyol Komunikasi I**

**2 Kredit**

Kursus ini menekankan penguasaan kemahiran asas komunikasi dalam bahasa Sepanyol seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Perbincangan juga diadakan mengenai amalan penduduk di negara yang menuturkan bahasa Sepanyol.

**BAK3012 Bahasa Arab Komunikasi I**

**2 Kredit**

Kursus ini menekankan penguasaan asas bahasa Arab. Penekanan diberikan kepada pengenalan huruf-huruf Arab, cara sebutan dan bacaannya. Pelajar juga diajar kemahiran asas komunikasi di dalam bahasa Arab seperti kemahiran mendengar, bercakap, menulis dan membaca.

**BNK3042 Bahasa Iban Komunikasi**

**2 Kredit**

Kursus ini memberi tumpuan terhadap kemahiran komunikasi yang berkesan dalam pelbagai konteks dan aktiviti seharian. Penekanan kursus ini meliputi pengenalan kepada sistem asas bahasa Iban untuk mengembangkan kemahiran mendengar, penghasilan pertuturan, pengurusan percakapan dan penulisan pesanan ringkas.

**BNK3052 Bahasa Iban Kontekstual**

**2 Kredit**

Kursus ini memberi tumpuan terhadap kemahiran-kemahiran komunikasi kontekstual secara lisan dan bertulis dalam bahasa iban. Fokus kursus ini meliputi konsep komunikasi kontekstual dan pengukuhan dinamika komunikasi dalam konteks-konteks tertentu. Tujuan kursus ini ialah untuk melatih kemahiran-kemahiran yang boleh mengembangkan kemahiran interpersonal dalam dinamika komunikasi dengan menggunakan bahasa iban.

**ASP3082 Kreativiti Dalam Seni Visual**

**2 Kredit**

Kursus ini membincangkan aspek kreativiti dalam Seni Visual dan kepentingan pemikiran kreatif, kritis dan efektif. Pengolahan idea, proses pengkaryaan dan penciptaan bentuk yang kreatif dan inovatif juga turut dibincangkan.

**ASP3092 Seni Dan Pendidikan**

**2 Kredit**

Kursus ini membincangkan peranan seni dalam kehidupan manusia. Kursus ini juga menjelaskan kepentingan aktiviti seni yang melibatkan imaginasi, kreativiti, inkuiri dan kritis secara menyeluruh dalam pendidikan.

**ASL3082 Estetika Seni Visual**

**2 Kredit**

Kursus ini memberi pengalaman melihat, merasai, menikmati, menganalisis dan menghargai aspek-aspek keindahan dalam seni visual. Kursus ini juga bertujuan untuk membentuk dan memperluaskan minda pelajar untuk memahami kepelbagaiannya budaya. Prinsip – prinsip keindahan yang selaras dengan keperluan, keselesaan dan kesejahteraan hidup individu, masyarakat dan bangsa yang diolah di dalam karya – karya kreatif, turut dibincangkan.

**AVD3102 Studio Reka Bentuk Grafik**

**2 Kredit**

Kursus ini menjelaskan kepada para pelajara teori dan aspek praktikal reka bentuk grafik. Menghubungkait elemen reka bentuk dan asas reka bentuk grafik. Menghuraikan secara terperinci peranan dan fungsi reka bentuk grafik dalam bidang seni komunikasi visual. Fokus kursus ini adalah kepada penerokaan aspek teori dan praktikal reka bentuk grafik dalam menghasilkan karya yang mempunyai mesej yang tersurat dan tersirat. Pelajar juga didekah kepada aplikasi perisian komputer grafik yang menjadi nilai tambah dalam menghasilkan sebuah karya grafik yang bersesuaian.

**AVD3112 Ilustrasi****2 Kredit**

Kursus ini akan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang prinsip – prinsip asas, teknik dalam menguasai kemahiran melukis. Pelajar akan mempelajari tentang disiplin melukis berasaskan kaedah yang betul, aplikasi komputer yang boleh membantu pelajar menguasai kemahiran menggambar serta membuat storyboard bagi menyampaikan idea dan konsep.

**AVD3122 Fotografi****2 Kredit**

Kursus ini memfokus kepada pengenalan bidang fotografi. Panduan pembelajaran fotografi membantu para pelajar menguasai aspek teknikal, kreativiti dan tahap artistik dalam proses merakam visual. Melalui fotografi pelajar dide dahkan konsep dan asas dalam seni komunikasi visual. Pengalaman melalui pengamatan terhadap alam, flora dan fauna dijadikan tugas untuk kursus ini. Kursus ini akan mempamerkan karya fotografi secara disiplin galeri pameran sebagai penilaian akhir.

**MMA3022 Animasi****2 Kredit**

Kursus ini menekankan konsep dan prinsip yang terlibat dalam penghasilan animasi 2D. Ia menerangkan tentang sejarah dan perkembangan animasi 2D, papan cerita dan proses pembangunan animasi 2D. Ianya juga akan meningkatkan kemahiran dalam teknik animasi yang terkini bagi menambah nilai kualiti profesional kepada animasi.

**MTP3022 Integrasi Teknologi Maklumat Dalam Pendidikan****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan konsep, teori, amalan dan perkembangan teknologi dalam pendidikan. Penekanan adalah terhadap perisian komputer, pemilihan dan penilaian bahan teknologi yang bersesuaian untuk pengajaran dan pembelajaran dan pengaplikasian bahan yang telah dipilih untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Isu-isu berkaitan etika dan hak cipta juga dibincangkan.

**MMP3032 Pengarangan Koswer Multimedia****2 Kredit**

Kursus ini menekankan kepada pelbagai hasil pengarangan koswer multimedia dalam pendidikan. Tumpuan diberikan kepada pengetahuan elemen multimedia, jenis koswer, metodologi pembangunan, perancangan, pengujian dan perlaksanaan koswer multimedia. Aplikasi model pembangunan disepadukan bersama pengetahuan berkaitan isu-isu multimedia, antaramuka pengguna dan harta intelek dalam menghasilkan koswer multimedia yang inovatif dan kreatif dengan menggunakan perisian pengarangan

**MTS3042 Pembangunan Blog Dan Laman Web****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan konsep asas, isu dan teknik pembangunan dan pembahagian laman web dan blog. Penekanan diberikan kepada mereka bentuk laman Web dan blog menggunakan perisian pengarangan multimedia, bahasa pengaturcaraan asas dan memuat naik hasil laman Web dan blog.

**MTD3062 Aplikasi Perkhidmatan Internet****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan kemahiran asas komputer dan rangkaian teknologi internet. Penekanan adalah terhadap konteks pembelajaran dunia nyata bagi melengkapkan diri dengan kemahiran teknikal, komunikasi, penyelesaian masalah dan semangat kerja berpasukan, isu semasa dan pembangunan baru di dalam pengimplementasikan teknologi internet dalam dunia nyata.

**SSF1012 Pengenalan Kepada Astronomi****2 Kredit**

Kursus ini membincangkan sistem suria dan kandungannya seperti Bumi, Bulan, Matahari dan planet-planet. Ia juga membincangkan mikrograviti, penjelajahan angkasa dan roket air.

**SSF1022 Pemikiran Seorang Saintis**

**2 Kredit**

Kursus ini membincangkan definisi sains dan penyelidikan, sejarah dan perkembangan ketamadunan, termasuk ketamadunan Islam. Kursus ini juga merangkumi sejarah sains dan penerimaan anugerah 'Nobel Laureate', sejarah penemuan bidang dan budaya penyelidikan sains, serta keazaman dan keupayaan berfikir para saintis dalam mencetuskan penemuan – penemuan baru/kursus ini menggalakkan pelajar untuk berbincang, menganalisis, menilai dan mengadili pendapat mereka terhadap isu ini.

**SINOPSIS KURSUS PROFESIONAL PENDIDIKAN**

**KPD3016 Pengajaran, Teknologi dan Penaksiran 1**

**6 Kredit**

Kursus ini membincang dan membimbing pelajar membina kemahiran merancang pengajaran dalam lima aspek utama berikut: (a) menyatakan objektif pengajaran dan pembelajaran, (b) memilih dan menyusun kandungan dan bahan pengajaran (c) memilih pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai, (d) menyedia alat dan teknologi yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran, (e) menyedia, memilih dan menggunakan alat dan kaedah penilaian yang sesuai untuk menaksir dan menilai hasil pembelajaran. Pelajar akan mendapat kemahiran menyedia set rancangan pelajaran dalam sesuatu topik dalam mata pelajaran pengkhususan mereka.

**KPD3026 Pengajaran, Teknologi dan Penaksiran 2**

**6 Kredit**

Kursus ini merupakan lanjutan kursus KPD3016. Ia bertujuan mengukuhkan lagi kemahiran pelajar merancang dan melaksanakan pengajaran melalui pembentangan mikro dan makro pengajaran dalam aspek utama pengajaran berikut: (a) menyatakan hasil pembelajaran, (b) memilih dan merancang bahan dan urutan pengajaran, (c) memilih dan melaksana kaedah dan teknik pengajaran yang sesuai, (d) menyedia dan menggunakan media dan teknologi pengajaran yang sesuai, dan (e) menyedia, memilih dan menggunakan alat dan kaedah penaksiran yang sesuai untuk menilai hasil pembelajaran. Pelajar juga akan dideđahkan kepada prosedur dan kaedah Kajian Tindakan serta penulisan proposal.

**KPF3012 Perkembangan Pendidikan Di Malaysia: Falsafah dan Dasar**

**2 Kredit**

Kursus ini membincangkan secara kritis tentang falsafah dan dasar perundangan pendidikan dengan menganalisisnya dalam konteks perkembangan pendidikan di Malaysia. Kursus ini juga meneroka dan membincangkan perkembangan pendidikan negara sebagai satu kesinambungan amalan yang sepatutnya berlaku secara berterusan dalam proses pembangunan negara. Falsafah, dasar-dasar, kurikulum dan peraturan dalam pendidikan juga diberi penekanan bagi membolehkan para pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran serta pemupukan sikap dalam melaksana tanggungjawab secara berkesan dalam profesion keguruan.

**KPK3012 Pendidikan Inklusif**

**2 Kredit**

Kursus ini memberi fokus kepada dasar dan falsafah pendidikan khas seterusnya menujurs kepada pendidikan inklusif. Ia juga membincangkan tentang isu-isu semasa, ciri-ciri murid berkeperluan khas dan pendidikan khas serta membincangkan strategi dan teknik pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan inklusif. Ia juga membincangkan kolaborasi antara pihak yang berkepentingan dalam menjayakan pendidikan inklusif.

**KPP3014 Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar**

**4 Kredit**

Kursus ini membincang aspek pembelajaran dan perkembangan remaja berlatar belakangkan pendidikan yang meliputi diri pelajar, proses pembelajaran dan kepelbagaiannya pelajar. Selain itu, aspek pengalaman pembelajaran yang berasaskan minda, budaya, bahasa, keupayaan diri, personaliti, sosial, persekitaran, emosi dan fizikal juga diketengahkan.

**KPR3012 Seminar Refleksi Latihan Mengajar****2 Kredit**

Kursus ini akan membolehkan pelajar membuat refleksi latihan mengajar berdasarkan penilaian secara kritis, membuat keputusan, dan membentangkan laporan kajian tindakan.

**KPS3014 Pengurusan Pembelajaran****4 Kredit**

Kursus ini membincangkan peranan guru sebagai pengurus pembelajaran dalam konteks pelbagai persekitaran pembelajaran. Pelajar akan diperkenalkan kepada pelbagai aspek pengurusan pembelajaran termasuk organisasi, kepimpinan, tingkah laku, sumber, teknologi, budaya dan keupayaan. Kursus ini akan menyediakan pelajar kepada pengalaman sebenar di sekolah yang akhirnya membolehkan mereka beraksi dalam semua situasi pembelajaran.

**SINOPSIS KURSUS  
PROGRAM BIMBINGAN DAN KAUNSELING**
**KKT3073 Teori Kaunseling****3 Kredit**

Kursus ini meliputi komponen utama teori kaunseling; pembinaan dan ciri-ciri teori kaunseling, pengenalan kepada teori psikologi dan kaitanya dengan kaunseling, teori utama dalam kaunseling, teori dikaji dengan tumpuan kepada sifat semulajadi manusia, permasalahan manusia; teknik-teknik teras kaunseling; model tahap-tahap perkembangan proses kaunseling; model tahap-tahap perkembangan proses kaunseling; kes-kes akan dianalisis berdasarkan teori.

**KKP3113 Pengantar Bimbingan dan Kaunseling****3 Kredit**

Kursus ini meliputi definisi bimbingan dan kaunseling sekolah; latar belakang dan sejarah pergerakan bimbingan dan kaunseling sekolah di Amerika Syarikat dan Malaysia; asas falsafah bimbingan dan kaunseling sekolah, peranan dan prinsip bimbingan dan kaunseling sekolah, dan jenis perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah.

**KKP3023 Etika dalam Kaunseling****3 Kredit**

Kursus ini membincangkan asas-asas etika, tanggungjawab dan etika profesional serta etika kaunselor. Ia juga membincangkan isu-isu etika dalam kaunseling dan proses dalam membuat keputusan beretika dengan menggunakan kes-kes.

**KKC3013 Bimbingan dan Perkembangan Kerjaya****3 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan tentang maksud pendidikan kerjaya; teori perkembangan dan dunia pekerjaan, maklumat mengenai pekerjaan, proses pembinaan dan pelaksanaan program pendidikan kerjaya di sekolah; model, kaedah, strategi dan teknik bimbingan kerjaya; pemilihan kerjaya, kemahiran membuat keputusan kerjaya, gaya hidup dan kerjaya, teknologi maklumat dan kerjaya.

**KKH3033 Kemahiran Asas Kaunseling****3 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan tentang konsep kemahiran kaunseling; kemahiran mendengar dan melayan dalam kaunseling; kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan; halangan-halangan dalam komunikasi kaunseling.

**KKT5043 Perkembangan Personaliti****3 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan tentang definisi personaliti, asas-asas personaliti; teori utama personaliti dibincang secara am; tahap-tahap perkembangan personaliti; teori personaliti sebagai menggambarkan beberapa aspek tertentu mengenai personaliti dan memahami permasalahan individu dalam kaunseling, kes-kes dianalisis mengikut teori dan isu-isu dalam teori personaliti terutama dari perspektif Islam.

**KKD3023 Penyelewengan Sosial dan Delinkuensi Remaja**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi kajian-kajian mengenai penyelewangan sosial dan delinkuensi remaja. Fokus ditumpukan kepada memahami pengertian, jenis, saiz, dan konsep penyelewangan sosial dan delinkuensi remaja, isu dan statistik penyelewangan sosial dan delinkuensi remaja di sekolah; akta-akta yang berkaitan perlindungan dan pemulihan penyelewangan sosial dan delinkuensi remaja; dan teori-teori dalam penyelewangan sosial dan delinkuensi remaja.

**KKG3033 Bimbingan Kelompok**

**3 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan tentang jenis dan ciri-ciri kelompok, fungsi dan proses kelompok, jenis kemahiran dan jenis kepemimpinan dan pengenalan kepada teori kelompok.

**KKD3063 Psikologi Abnormal**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi konsep psikologi abnormal, teori-teori psikologi abnormal, perlakuan salah laku dan lengongan, klasifikasi perlakuan abnormal mengikut DSM IV-TR; masalah remaja; intervensi rawatan; kajian-kajian kes mengenai perlakuan-perlakuan abnormal.

**KKD3083 Kaunseling Penyalahgunaan Bahar**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi definisi dan farmakologi dadah. Aspek lain merangkumi penagihan, kaunseling rawatan dadah dan pencegahan relapse, terapi rawatan dan pemulihan. Turut dibincangkan ialah kajian kes, penyelidikan dan pembangunan rawatan dan pecegahan penyalahgunaan dadah; peranan kaunselor dalam rawatan dan pencegahan dadah, isu dalam program rawatan dan pencegahan dadah.

**KKH3043 Kaunseling Individu**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi penyepaduan teori-teori dan teknik-teknik khusus dalam kaunseling individu, tahap-tahap di dalam sesi kaunseling individu dan teknik penerapan teori di dalam tahap tertentu; aplikasi intervensi kaunseling seperti intervensi krisis, intervensi stress, intervensi modifikasi tingkah laku, intervensi kognitif; memahami isu-isu penerangan, pindahan, dan pindahan balas; isu-isu etika; konsepsi kes; penyediaan laporan profesional.

**KKG3043 Kaunseling Kelompok**

**3 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan dan peneguhan lanjutan kepada peserta dalam aspek kaunseling kelompok. Peserta perlu menjalani sekurang-kurangnya 30 jam makmal bagi peneguhan dan pengayaan kemahiran asas memimpin kelompok. Penyepaduan teori-teori dan teknik-teknik khusus kaunseling dengan tahap perkembangan sesi kelompok; memahami batasan kemampuan dan kemahiran diri serta memahami jenis-jenis kelompok; kemahiran membuat rujukan; isu-isu etika; konsepsi kes; penyediaan laporan profesional.

**KKP3133 Konsultasi Kaunseling Sekolah**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi konsep pengurusan dan konsultasi dalam kaunseling sekolah, teori-teori pengurusan dan konsultasi; pendekatan, teknik dan strategi utama dalam pengurusan dan konsultasi; kemahiran asas diperlukan dalam pengurusan dan konsultasi; jenis-jenis, modul-modul dan isu-isu etika dalam pengurusan dan konsultasi kaunseling di sekolah.

**KKP3123 Pengurusan dan Penilaian Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi konsep pengurusan dan penilaian dalam kaunseling sekolah, teori-teori pengurusan; pendekatan, teknik dan strategi utama dalam pengurusan dan penilaian; kemahiran asas diperlukan dalam pengurusan dan; jenis-jenis, modul-modul dan isu-isu etika dalam pengurusan dan kaunseling di sekolah.

**KKD3103 Pertumbuhan dan Perkembangan Manusia****3 Kredit**

Tumpuan kursus ialah tentang kefahaman tentang pertumbuhan dan perkembangan manusia dari peringkat sebelum lahir hingga peringkat tua. Topik-topik meliputi pengertian dan konsep asas pertumbuhan dan perkembangan bayi, kanak-kanak, remaja dan warga tua; prinsip-prinsip asas pertumbuhan dan perkembangan; faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan; aspek-aspek dan teori-teori perkembangan dalam konteks persekitaran pengajaran dan pembelajaran.

**KKA3033 Asas Psikometrik dalam Kaunseling****3 Kredit**

Pengenalan kepada konsep asas, teori, isu-isu dalam pengukuran dan penilaian psikologi. Antara topik yang dibincangkan adalah teori psikometri, asas statistik, kesahan dan kebolehpercayaan ujian di samping dapat mengenalpasti faktor yang mempengaruhi ujian. Memperkenalkan dan membezakan pelbagai jenis ujian dan inventori psikologi. Membincangkan isu-isu pelbagai budaya dan etika dalam pengukuran dan penilaian psikologi.

**KKH3063 Praktikum Kaunseling****3 Kredit**

Kursus ini meliputi praktis kaunseling yang dijalankan di makmal kaunseling yang diselia dengan tujuan untuk membolehkan pelajar membina dan mengembangkan kemahiran asas kaunseling dan mengintegrasikan pengetahuan profesional. Kursus ini merangkumi pengalaman mengendalikan kaunseling berdasarkan penerapan teori, penggunaan kemahiran dan teknik kaunseling, konseptualisasi masalah, perancangan dan strategi rawatan, kepatuhan kepada etika, refleksi, pengurusan rekod dan laporan praktikum.

**KKD3093 Psikologi Kanak-Kanak dan Remaja****3 Kredit**

Kursus ini memberi kefahaman yang lebih mendalam tentang perkembangan kanak-kanak sehingga peringkat remaja. Kefahaman ini penting untuk memahami dan mengendali kes yang berkaitan dengan golongan kanak-kanak dan remaja.

**KKH3053 Kaunseling Komuniti****3 Kredit**

Kursus ini membincangkan tentang kepelbagaiannya isu di dalam komuniti, perkhidmatan kaunseling komuniti, peranan, tugas kaunselor, teknik melaksanakan kaunseling dan pengurusan program kaunseling komuniti serta etika berkaitan kaunseling komuniti.

**KKS3043 Kaunseling Menurut Perspektif Islam****3 Kredit**

Kursus ini meliputi konsep manusia menurut beberapa perspektif di dalam Islam; definisi dan matlamat kaunseling menurut perspektif Islam; model kaunseling berperspektif Islam, pendekatan kaunseling; sifat-sifat kaunselor Muslim; dan etika dalam kaunseling Islam.

**KKD3113 Kaunseling Kanak-kanak****3 Kredit**

Kursus ini meliputi definisi kanak-kanak; sejarah perkembangan kaunseling kanak-kanak; asas falsafah kaunseling kanak-kanak; peranan dan prinsip kaunseling kanak-kanak; jenis perkhidmatan kaunseling kanak-kanak; teknik dan strategi dalam membantu kanak-kanak; dan isu berkaitan kaunseling kanak-kanak.

**KKC3023 Kaunseling Kerjaya****3 Kredit**

Kursus ini meliputi definisi dan konsep kaunseling kerjaya, keperluan kaunseling kerjaya, maklumat kerjaya, teknik dan proses kaunseling kerjaya; teknik psikometrik dalam (mengenalpasti minat, personaliti dan nilai kendiri), aplikasi kaunseling kerjaya berdasarkan kes-kes, dan isu-isu etika berkaitan.

**KKA3023 Pengujian dan Penilaian Dalam Kaunseling**

**3 Kredit**

Kursus ini terdiri daripada pengenalan kepada pengukuran dan penilaian psikologi dalam kaunseling. Konsep-konsep asas dan teknik dalam psikometrik, pengujian dan penilaian dalam psikologi kaunseling berkaitan kebolehpercayaan dan kesahan akan dibincangkan.

**KKS3033 Kaunseling Pelbagai Budaya**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi perhubungan menolong dalam pelbagai budaya, peranan budaya etnik dalam perhubungan sosial dan proses menolong: teori kaunseling pelbagai budaya, perbezaan perspektif teori kaunseling paradigma barat dengan budaya tempatan, halangan prejudis dan perkauman, isu-isu etika kaunseling pelbagai budaya.

**KKR3033 Kaedah Penyelidikan Dalam Kaunseling**

**3 Kredit**

Kursus ini mengandungi metodologi penyelidikan dalam kaunseling seperti kaedah penyelidikan deskriptif, eksperimental, tinjauan, kolerasi, kajian kes, etnografi. Format cadangan penyelidikan dan kaedah utama penyelidikan kuantitatif dan kualitatif turut dibincangkan. Prosedur penyelidikan termasuk penentuan fokus kajian; kajian literatur; rekabentuk kajian; kaedah pengumpulan dan analisis data juga dibincangkan. Kursus ini turut mengandungi asas statistik dalam penyelidikan.

**KKT3063 Kaunseling Keluarga dan Keibubapaan**

**3 Kredit**

Kandungan kursus ini meliputi konsep keluarga, dan kefungsian keluarga dan keibubapaan; teori keibubapaan dan kaunseling keluarga, isu-isu kekeluargaan; model-model kaunseling keluarga; isu-isu etika dalam kaunseling keluarga.

**KKP3108 Internship Kaunseling**

**8 Kredit**

Kandungan kursus ini meliputi pendedahan kepada situasi sebenar pekerjaan dalam bidang bimbingan dan kaunseling; pelajar dibimbing dan dinilai dalam mengendalikan kaunseling kelompok, kaunseling individu, pengurusan dan pentadbiran program bimbingan, analisis kes, sahsiah dan sikap dan laporan akhir internship.

**KKR3996 Projek Tahun Akhir**

**6 Kredit**

Kursus ini terdiri daripada penulisan proposal penyelidikan; kajian lapangan berdasarkan metod kajian tertentu; pengumpulan dan analisis data kajian dan penulisan laporan kajian.

**SINOPSIS KURSUS  
PROGRAM PSIKOLOGI**

**Sinopsis Kursus Teras**

i. **Kursus Teras**

**KSG3103 Pengenalan Kepada Psikologi**

**3 Kredit**

Kursus ini akan memperkenalkan pelajar dengan konsep-konsep asas, bidang-bidang dan sub-bidang psikologi. Penekanan juga diberikan kepada cara mengaplikasikan teori-teori psikologi di dalam kehidupan manusia

**KSG3503 Sejarah Dan Falsafah Psikologi**

**3 Kredit**

Kursus ini membincangkan asas-asas falsafah psikologi dan sejarah perkembangannya. Pelajar didekah dengan sejarah awal Greek sehingga zaman moden. Asal-usul hasil kerja ahli falsafah Greek purba dan sumbangan Ilmuwan Islam juga dibincangkan. Perkembangan kaedah kajian berdasarkan eksperimen, pelbagai aliran pemikiran psikologi dan fokus mereka turut dikenalpasti secara kritikal.

**KSD3103 Psikologi Perkembangan****3 Kredit**

Kursus ini akan memperkenalkan kepada pelajar teori-teori dan kajian-kajian dalam bidang psikologi perkembangan yang merangkumi perkembangan manusia yang menfokus meliputi lima peringkat utama perkembangan iaitu peringkat bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua. Sebagai tambahan, pelajar akan berbincang tentang implikasi peranan ibubapa, pendidikan dan juga polisi sosial keatas perkembangan manusia.

**KSM3413 Statistik 1****3 Kredit**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada beberapa konsep asas, prinsip dan kaedah statistik (deskriptif dan inferens). Pelajar akan belajar tentang taburan kekerapan dan pelbagai kaedah untuk persempahan grafik. Ukuran kecenderungan memusat, ukuran kebolehubahan, serta beberapa konsep dan prosedur statistik seperti korelasi dan chi-square akan dibincangkan.

**KSM3523 Statistik 2****3 Kredit**

Kursus ini adalah lanjutan daripada kursus sebelumnya Statistik dalam Psikologi 1 . Beberapa konsep dan prosedur statistik seperti korelasi, Ujian-t, ANOVA, analisis regresi dan chi-square akan dibincangkan. Contoh penggunaan prosedur tersebut serta tafsiran keputusan analisis juga turut dibincangkan.

**KSM3503 Kaedah Penyelidikan****3 Kredit**

Kursus ini merangkumi pendekatan kualitatif dan kuantitatif dalam penyelidikan. Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada pelbagai konsep dan isu dalam penyelidikan sosial termasuk hubungan diantara teori dan penyelidikan, membentuk pernyataan masalah dan hipotesis, proses pengukuran, persempelan, teknik pengumpulan dan penganalisisan data.

**KSM3313 Pengujian Psikologi 1****3 Kredit**

Kursus ini merangkumi sejarah pengujian, asas-asas pengujian psikologi dan proses pembinaan ujian dan pertarkan. Ini termasuk pengkonsepsian ujian, penghasilan item, skala, pemarkahan dan analisis. Kursus ini turut membincangkan norma ujian, kebolehpercayaan dan kesahan.

**KSM3423 Pengujian Psikologi 2****3 Kredit**

Kursus ini merangkumi aspek-aspek teori dan aplikasi dalam pengujian psikologi. Ia mengulas ujian psikologi yang terpilih dan menyediakan pelajar dengan pengalaman praktikal tentang pentadbiran ujian dan interpretasi.

**KN3613 Psikologi Fisiologi****3 Kredit**

Kursus ini memfokuskan kepada fungsi-fungsi sistem saraf dalam mengawal tingkah laku. Antara kandungan kursus ini termasuk pengenalan kepada psikologi fisiologi, struktur-struktur sel dalam sistem saraf, komunikasi neuron, pemindahan sinaptik dan psikofarmakologi. Peranan-peranan gen dalam mempengaruhi tingkah laku juga turut dibincangkan. Antara topik yang dibincangkan dalam kelas ialah penggunaan dan penyalahgunaan dadah, kemurungan, agresif dan skizofrenia.

**KSP3203 Personaliti****3 Kredit**

Kursus ini ialah satu tinjauan tentang teori-teori utama dalam personality. Ia merangkumi topik seperti teori-teori personaliti, penilaian personaliti dan penentu personaliti (pembawaan, biologi, intrapsikik, kognitif dan perspektif budaya).

**KSS3203 Psikologi Sosial**

**3 Kredit**

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar bidang psikologi social : iaitu kajian tentang persepsi seseorang individu terhadap individu yang lain, bagaimana seseorang individu dapat mempengaruhi dan berkaitan di antara satu sama lain. Kursus ini akan merangkumi dapanan asas dan konsep-konsep berkaitan dengan bidang ini dan mampu untuk mengaplikasikan ia di dalam kehidupan sebenar seseorang individu.

**KSS3303 Psikologi Silang Budaya**

**3 Kredit**

Kursus ini meneroka masalah dalam kajian silang budaya dan pelbagai cara untuk mengurangkannya. Kursus ini turut menilai kesan budaya ke atas proses psikologi dan tingkah laku manusia termasuk isu-isu perkembangan manusia, tingkah laku sosial, ethnosentrisme dan personaliti. Sepanjang kursus ini, penekanan diberikan kepada kepentingan kajian silang budaya dan perkembangan psikologi di Malaysia.

**KSN3603 Motivasi Dan Emosi**

**3 Kredit**

Kursus ini membincangkan tentang motivasi dan emosi dari aspek fisiologi, sosial dan kognitif. Kursus ini turut mengenal pasti peranan pembelajaran dan faktor pembawaan dalam motivasi dan emosi. Ia turut menjelaskan teori-teori motivasi dan emosi.

**KSX3603 Psikologi Eksperimen**

**3 Kredit**

Kursus praktikal ini memerlukan pelajar melakukan lima eksperimen dalam pelbagai aspek psikologi seperti persepsi, pembelajaran, memori dan psikofizik.

**KSG3603 Etika, Isu Semasa dan Lanjutan Topik dalam Psikologi**

**3 Kredit**

Kursus ini memperkenalkan pelajar dengan satu siri topik-topik dalam psikologi yang tidak diketengahkan di dalam kursus-kursus teras psikologi. Pelajar di harapkan agar lebih terdedah dengan beberapa perspektif teori yang utama dan dapanan kajian di dalam setiap bidang. Pelajar juga akan dibiasakan dengan isu-isu yang berkaitan dengan psikologi.

**KST3718 Kerja Lapangan Peyeliaan**

**8 Kredit**

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri dengan pengalaman pembelajaran dunia sebenar dalam konteks sesebuah organisasi yang berkaitan dengan psikologi. Penempatan pelajar termasuklah dalam jawatan dalam bidang-bidang seperti sumber manusia, pemasaran, pendidikan, dan perkhidmatan sosial. Pelajar meningkatkan penguasaan bidang-bidang tertentu psikologi dengan menggunakan teori-teori dan amalan dalam aplikasi di dunia sebenar. Peluang untuk bekerja dalam persekitaran yang profesional membantu pelajar membangunkan standard kerja profesional yang sesuai, meneroka pilihan kerjaya, dan membina mentor dan hubungan rangkaian yang lain di tempat kerja.

**KST3996 Projek Tahun Akhir**

**6 Kredit**

Objektif kursus ini adalah untuk menentukan pelajar-pelajar dapat menjalankan penyelidikan dimana mereka dapat menunjukkan kebolehan mereka membuat penyelidikan dalam bidang psikologi

**ii. Kursus Teras Pilihan**

**KSR3013 Psikologi Industri dan Organisasi**

**3 Kredit**

Kursus ini akan mendedahkan kepada pelajar tentang teori, penyelidikan dan aplikasi psikologi di tempat kerja untuk meningkatkan produktiviti. Topik-topik merangkumi motivasi, kepuasan kerja, kepimpinan, kumpulan dinamik, komunikasi dalam organisasi, tekanan kerja dan perubahan dan perkembangan organisasi.

**KSH3023 Psikologi Kaunseling**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi komponen utama teori kaunseling; pembinaan dan ciri-ciri teori kaunseling, pengenalan kepada teori psikologi dan kaitannya dengan kaunseling, teori utama dalam kaunseling; teori dikaji dengan tumpuan kepada sifat semulajadi manusia, permasalahan manusia; teknik-teknik teras kaunseling; model tahap-tahap perkembangan proses kaunseling; kes-kes akan dianalisis berdasarkan teori.

**KSY3013 Psikologi Klinikal**

**3 Kredit**

Kursus ini dirangka untuk membiasakan pelajar dengan bidang psikologi klinikal yang luas. Definisi dan sejarah bidang ini dibincangkan bersama pelbagai pendekatan yang digunakan dalam psikologi klinikal. Kursus ini juga meliputi kaedah penilaian, temuduga dan kemahiran penilaian. Pelbagai klinikal intervensi dan isu-isu semasa dalam bidang ini turut dibincangkan. Isu-isu profesional termasuk latihan pelajar, peraturan amalan, etika dan lain-lain turut ditekankan.

**KSD3013 Psikologi Remaja**

**3 Kredit**

Kursus ini merangkumi teori-teori sosial, kognitif dan biologi mengenai remaja. Kursus ini akan memperincikan perkembangan remaja dari pra-remaja hingga ke permulaan dewasa. Kursus ini akan memfokus kepada peranan keturunan, agama, keluarga, budaya, sekolah dan sebaya dalam perkembangan remaja. Masalah remaja dan psikologi remaja juga akan di bincang.

**KSE3013 Psikologi Pendidikan**

**3 Kredit**

Kursus ini direkabentuk untuk memberi kefahaman masalah psikologi yang terlibat dalam pendidikan dan aplikasi praktikal prinsip psikologi pengajaran. Penekanan khusus kepada pengukuran, sifat pembelajaran, dan pengaruh alam sekitar tingkah laku.

**KSS3013 Psikologi Alam Sekitar**

**3 Kredit**

Kursus ini melibatkan perspektif pelbagai disiplin dalam memahami pengaruh timbal balik antara manusia dan persekitaran fizikal mereka. Ini meliputi topik seperti penilaian persekitaran; sikap terhadap persekitaran; ruangan peribadi; tekanan persekitaran dan masalah-masalah persekitaran; pengurusan persekitaran hidup; perancangan persekitaran perumahan yang mencukupi, pendidikan dan tempat kerja dan masa depan yang berterusan. Kursus ini juga menumpukan pada lingkungan alam dan dibina dalam pengurusan persekitaran dan perlindungan.

**KKH3033 Kemahiran Asas Kaunseling**

**3 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan tentang konsep kemahiran kaunseling; kemahiran mendengar dan melayan dalam kaunseling; kemahiran komunikasi lisan dan bukan lisan.

**KKC3013 Bimbingan dan Perkembangan Kerjaya**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi definisi dan konsep kaunseling kerjaya, keperluan kaunseling kerjaya, maklumat kerjaya, teknik dan proses kaunseling kerjaya, teknik psikometrik (mengenalpasti minat, personaliti dan nilai kendiri), aplikasi kaunseling kerjaya berdasarkan kes-kes, isu-isu etika berkaitan; isu-isu berkaitan pendidikan dan perkembangan kerjaya dan masa depan kaunselor.

**KSS3403 Psikologi Agama**

**3 Kredit**

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada bidang Psikologi Agama. Kursus ini dimulakan dengan analisis sejarah perkembangan hubungan di antara psikologi dan agama serta pelbagai perspektif psikologi terhadap agama. Pelajar didedahkan dengan pelbagai kaedah yang digunakan oleh ahli-ahli psikologi untuk mengkaji agama.

**KSD3503 Pembelajaran dan Kognisi**

**3 Kredit**

Kursus ini merangkumi pembelajaran tentang minda, kognitif dan prosesnya. Kursus ini juga meliputi peranan otak dalam operasi minda, sistem saraf, dan hubungannya .Melalui pembelajaran kognisi secara saintifik, kursus ini menjustifikasi sumbangan psikologi dalam bidang Sains Kognitif bagi pemahaman minda manusia.

**KSR3203 Hubungan Interpersonal**

**3 Kredit**

Kursus ini bertujuan membiasakan para pelajar dengan teori-teori dan kemahiran-kemahiran hubungan manusia antara individu dan peringkat organisasi. Ia menekankan peranan faktor-faktor psikososial dan budaya dalam komunikasi efektif sebagai asas perhubungan manusia. Topik yang dibincangkan termasuk komunikasi antara individu, kepelbagaiannya organisasi, keputusan yang dibuat dalam kumpulan, kerja berpasukan, kepimpinan, kemahiran berpolitik yang positif dan kepuasan pelanggan.

**KSH3313 Psikologi Komuniti**

**3 Kredit**

Kursus ini menfokuskan kepada isu-isu sosial, institusi sosial dan lain-lain keadaan yang mempengaruhi individu, kumpulan dan organisasi. Ia turut menyediakan gambaran keseluruhan tentang prinsip-prinsip dan kaedah-kaedah dalam bidang ini dan penaplakasiannya kepada isu-isu yang berlaku dalam komuniti.

**KSR3503 Dinamika Kumpulan**

**3 Kredit**

Kursus ini memfokuskan kepada konsep-konsep psikologi dalam tingkah laku kumpulan dan mempersiapkan pelajar untuk menjadi ahli kumpulan yang efektif. Kursus ini meneroka keadaan yang berlaku dalam membentuk kumpulan, bagaimana sesuatu kumpulan itu berfungsi dan bagaimana sesuatu kumpulan berinteraksi dengan kumpulan yang lain.

**KAA3023 Tingkah Laku Kanak-Kanak**

**3 Kredit**

Kursus ini bertujuan untuk memfokuskan kepada pengurusan tingkah laku kanak-kanak dari peringkat sebelum lahir hingga masa pertengahan peringkat kanak-kanak; asas teori tingkah laku, pengurusan tingkah laku dari sudut kawalan kendiri kanak-kanak dan juga pengurusan persekitaran sebagai langkah mengelakkan tingkah laku tidak wajar bagi kanak-kanak. Pendedahan secara praktikal terhadap cara mengurus tingkah laku kanak-kanak dalam kelas supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar ditekankan dalam kursus ini

**Sinopsis Kursus Pengkhususan**

i. **Psikologi Klinikal**

**KSY3403 Psikologi Bilazim**

**3 Kredit**

Kursus ini merangkumi topik tentang kecelaruan mental dan psikologi. Antaranya ialah kecelaruan keimbangan, kemurungan, kecelaruan personaliti dan penyakit mental yang lebih serius seperti kecelaruan bipolar dan skizofrenia. Kursus ini turut membincangkan tentang punca dan dianosis kecelaruan mental dan psikologi serta menyentuh tentang peranan ahli terapi dalam menangani masalah kecelaruan tersebut. Disamping itu, kecelaruan yang dibincangkan turut diterokai dalam situasi di Malaysia.

**KSN3403 Otak Dan Tingkah Laku**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi anatomi otak terutamanya yang berkaitan dengan fungsi kognitif, persepsi, tingkah laku dan emosi. Ia termasuk bagaimana alat mengukur psiko-fisiologi berfungsi dan tingkah laku seperti tidur dan makan dikawal oleh fungsi biologi.

**KSY3013 Psikologi Klinikal**

**3 Kredit**

Kursus ini dirangka untuk membiasakan pelajar dengan bidang psikologi klinikal yang luas. Definisi dan sejarah bidang ini dibincangkan bersama pelbagai pendekatan yang digunakan dalam psikologi klinikal. Kursus ini juga meliputi kaedah penilaian, temuduga dan kemahiran penilaian. Pelbagai klinikal intervensi dan isu-isu semasa dalam bidang ini turut dibincangkan. Isu-isu professional termasuk latihan pelajar, peraturan amalan, etika dan lain-lain turut ditekankan.

**KSF3603 Psikologi Forensik**

**3 Kredit**

Kursus ini memfokuskan kepada aplikasi dan amalan psikologi dalam sistem keadilan sivil dan jenayah yang dibincangkan dalam topik-topik berikut: psikologi penyiasatan dan kepolisan, psikologi forensic keluarga, psikologi undang-undang dan testimoni saksi. Kursus ini berdasarkan perspektif multi budaya yang berkaitan dengan isu perkauman, ketidakupayaan mental dan fizikal, orientasi seksual, diskriminasi jantina dan lain-lain isu etika yang dihadapi oleh ahli-ahli psikologi setiap hari.

**KSH3303 Psikologi Kesihatan**

**3 Kredit**

Kursus ini memfokuskan kepada kepentingan untuk memahami pengaruh psikologi dan sosial kepada kesihatan dan penyakit. Ia membincangkan maklumat asas dalam biologi, psikologi dan sosial tentang keadaan kesihatan. Disamping itu, turut menekankan peranan faktor-fator tersebut dalam penilaian, merawat dan mencegah.

**KSH3603 Modifikasi Tingkah laku**

**3 Kredit**

Kursus ini dirangka bagi menyediakan kefahaman umum tentang psikologi tingkah laku. Antara topiknya termasuk prinsip-prinsip tingkah laku, intervensi untuk autisme dan pelbagai program tingkah laku.

**KSY3803 Psikologi Positif**

**3 Kredit**

Psikologi Positif ini ditubuhkan pada keyakinan bahawa ada lebih dalam hidup ini selain menamatkan penderitaan. Untuk mempromosikan potensi manusia, program ini akan fokus pada tiga isu sentral: emosi positif, sifat-sifat positif, dan lembaga yang positif. Sementara pemahaman emosi positif memerlukan kajian kepuasan dengan masa lalu, kebahagiaan di masa sekarang, dan harapan untuk masa depan. sifat positif terdiri daripada kajian tentang kekuatan dan kebijakan. Akhirnya pemahaman positif melibatkan lembaga tentang kekuatan yang mendorong masyarakat lebih baik

**KSY3613 Penyalahgunaan Bahan**

**3 Kredit**

Kursus ini merangkumi eksplorasi teori dan praktikal penyebab dan rawatan dalam penyalahgunaan dan penagihan pelbagai perilaku, mencakupi dari pelbagai teori untuk memahami dan model campur tangan dan penyalahgunaan bahan. Penyertaan dalam kursus ini akan membolehkan pelajar untuk belajar bagaimana menilai dan mencampur dalam sistem pelanggan yang dipengaruhi oleh penggunaan dadah

**ii. Psikologi Kaunseling**

**KKT3043 Teori Kaunseling**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi komponen utama teori kaunseling; pembinaan dan ciri-ciri teori kaunseling, pengenalan kepada teori psikologi dan kaitannya dengan kaunseling, teori utama dalam kaunseling; teori dikaji dengan tumpuan kepada sifat semulajadi manusia, permasalahan manusia; teknik-teknik teras kaunseling; model tahap-tahap perkembangan proses kaunseling; keskes akan dianalisis berdasarkan teori.

**KKH3043 Kaunseling Individu**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi penyepaduan teori-teori dan teknik-teknik khusus dalam kaunseling individu, tahap-tahap di dalam sesi kaunseling individu dan teknik penerapan teori di dalam tahap tertentu; aplikasi intervensi kaunseling seperti intervensi krisis, intervensi stress, intervensi modifikasi tingkahlaku, intervensi kognitif; memahami isu-isu penentangan, pindahan, dan pindahan balas; isu-isu etika; konsepsi kes; penyediaan laporan profesional.

**KKC3023 Kaunseling Kerjaya**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi definisi dan konsep kaunseling kerjaya, keperluan kaunseling kerjaya, maklumat kerjaya, teknik dan proses kaunseling kerjaya, teknik psikometrik (mengenalpasti minat, personaliti dan nilai kendiri), aplikasi kaunseling kerjaya berdasarkan kes-kes, isu-isu etika berkaitan; isu-isu berkaitan pendidikan dan perkembangan kerjaya dan masa depan kaunselor.

**KKD3023 Kaunseling Penyalahgunaan Bahan**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi definisi dan farmakologi dadah. Aspek lain merangkumi penagihan, kaunseling rawatan dadah dan pencegahan relapse, terapi rawatan dan pemulihan. Turut dibincangkan ialah kajian kes, penyelidikan dan pembangunan dalam rawatan dan pencegahan penyalahgunaan dadah; peranan kaunselor dalam rawatan dan pencegahan dadah, isu dalam program rawatan dan pencegahan dadah.

**KKG3043 Kaunseling Kelompok**

**3 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan dan peneguhan lanjutan kepada peserta dalam aspek kaunseling kelompok. Peserta perlu menjalani sekurang-kurangnya 30 jam makmal bagi peneguhan dan pengkayaan kemahiran asas memimpin kelompok. Penyepaduan teori-teori dan teknik-teknik khusus kaunseling dengan tahap perkembangan sesi kelompok; memahami batasan kemampuan dan kemahiran diri serta memahami jenis-jenis kelompok; kemahiran membuat rujukan; isu-isu etika; konsepsi kes; penyediaan laporan profesional.

**KKS3033 Kaunseling Pelbagai Budaya**

**3 Kredit**

Kursus ini meliputi perhubungan menolong dalam pelbagai budaya; peranan budaya etnik dalam perhubungan sosial dan proses menolong; teori kaunseling pelbagai budaya; perbezaan perspektif teori kaunseling paradigma barat dengan budaya tempatan; halangan prejudis dan perkauman; isu-isu etika kaunseling pelbagai budaya.

**KKP3033 Etika dalam Kaunseling**

**3 Kredit**

Kursus ini membincangkan asas-asas etika, tanggungjawab dan etika profesional serta etika kaunselor. Ia juga membincangkan isu-isu etika dalam kaunseling dan proses dalam membuat keputusan beretika dengan menggunakan kes-kes.

**KKT3063 Kaunseling Keluarga dan Keibubapaan**

**3 Kredit**

Kandungan kursus ini meliputi konsep keluarga, dan kefungsian keluarga dan keibubapaan; teori keibubapaan dan kaunseling keluarga, isu-isu kekeluargaan; model-model kaunseling keluarga; isu-isu etika dalam kaunseling keluarga.

**SINOPSIS KURSUS  
PROGRAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**

**KAA3023 Bimbingan Tingkah Laku Kanak-Kanak****3 Kredit**

Kursus ini bertujuan untuk menfokuskan kepada pengurusan tingkah laku kanak-kanak mengikut peringkat; asas teori tingkah laku, dan pengurusan tingkah laku. Penekanan secara praktikal terhadap pengurusan tingkah laku kanak-kanak dalam bilik darjah dijalankan untuk memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar.

**KAC3023 Kurikulum Awal Kanak-Kanak****3 Kredit**

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada teori, model dan kajian berkaitan dengan kurikulum program pendidikan awal kanak-kanak. Pelbagai model kurikulum akan dibincangkan dan membandingkannya dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kurikulum PERMATA dan Kurikulum Pendidikan Awal Kanak-Kanak dari luar negara.

**KAL3023 Perkembangan Moral Kanak-Kanak****3 Kredit**

Kursus ini memberi pengetahuan pendidikan Islam dan Moral. Konsep Pendidikan Islam seperti akidah, akhlak dan tasawwur Islam diperkenalkan untuk pelajar menghayati topik-topik yang berkaitan dalam proses pendidikan Islam pada awal kanak-kanak. Pengetahuan pendidikan moral seperti pernyataan normatif, konsep asas nilai; teori dan sistem nilai; dan nilai agama/ kepercayaan agama-agama utama. Juga bagaimana ingin mengajar menggunakan sukan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan pengasuhan yang bersesuaian dengan pendekatan pendidikan Islam dan Moral.

**KAE3013 Ekspresi Kreativiti Kanak-Kanak****3 Kredit**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada teori-teori seni dan kreativiti kanak-kanak melalui seni lukis, kraftangan, nyanyian dan muzik, pergerakan kreatif, drama dan main di pusat asuhan dan prasekolah. Kursus ini menfokuskan kepada teori dan kemahiran perkembangan kreativiti kanak-kanak; aktiviti seni dan penilaian kemahiran dan hasil seni kanak-kanak; aktiviti-aktiviti menghasilkan pelbagai jenis aktiviti seni daripada bahan-bahan persekitaran secara kreatif; teori kreativiti dan peringkat perkembangan artistik kanak-kanak.

**KAE3023 Apresiasi Muzik dan Nyanyian Kanak-Kanak****3 Kredit**

Tumpuan kursus kepada kefahaman tentang teori dan pendekatan dalam muzik dan ritma sebagai sebahagian daripada budaya dan kaitannya dengan kanak-kanak. Di samping itu, metod menghayati dan menghargai muzik, menghasilkan muzik, melodi dan lagu mudah disamping melahir dan menyatakan perasaan dan emosi melalui muzik juga diberi tumpuan. Sebagai aplikasi pelajar digalakkan menghasilkan alatan muzik dengan menggunakan bahan-bahan buangan persekitaran.

**KAB3023 Pengajaran Bahasa Inggeris Awal Kanak-Kanak****3 Kredit**

Pengajaran Bahasa Inggeris kepada awal kanak-kanak adalah bertujuan untuk pelajar yang mempunyai tahap Bahasa Inggeris yang asas. Objektif kursus ini adalah untuk memberikan teori dan asas Bahasa yang mantap menggunakan bahan berdasarkan topic. Ini melibatkan empat kemahiran Bahasa iaitu mendengar, membaca, bercakap dan menulis. Setelah menamatkan kursus ini, pelajar akan memperolehi pengetahuan praktikal Bahasa Inggeris dan mampu menggunakaninya dengan lebih yakin untuk mengajar Bahasa Inggeris kepada kanak-kanak prasekolah.

**KAF3013 Kesihatan, Keselamatan dan Nutrisi**

**3 Kredit**

Kursus ini mefokuskan teori, konsep, aspek kesihatan, keselamatan dan nutrisi kanak-kanak di pusat asuhan dan prasekolah. Kursus ini juga menawarkan latihan secara praktikal dalam kemahiran pertolongan cemas, perkhidmatan kesihatan serta keselamatan.

**KAF3023 Psikomotor dan Pergerakan Kanak-Kanak**

**3 Kredit**

Kursus ini memberi kefahaman kepada pelajar berkenaan falsafah dan objektif pergerakan dan mainan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Ia meliputi teori pergerakan; konsep dan prinsip asas pergerakan serta koordinasi dari aspek pergerakan lokomotor, pergerakan manipulatif dan pergerakan bukan lokomotor dengan mengambil kira konsep ruang, konsep daya dan konsep perhubungan tubuh dengan pergerakan.

**KAK3013 Matematik Awal Kanak-Kanak**

**3 Kredit**

Kursus ini memberikan fokus kepada perkembangan berkenaan konsep dan kemahiran di dalam Matematik Awak Kanak-Kanak. Metadologi dan kesesuaian bahan kepada perkembangan matematik kanak-kanak juga akan dibincangkan.

**KAK3023 Sains Awal Kanak-Kanak**

**3 Kredit**

Kursus ini memperkenalkan pendekatan-pendekatan mengajar sains kepada kanak-kanak. Pelajar belajar bagaimana mengintergrasikan pembelajaran sains semasa kanak-kanak bermain, membina kemahiran dan sikap saintifik dan menilai pembelajaran kanak-kanak. Kursus ini menyediakan kemahiran asas kepada guru untuk menanam minat kanak-kanak terhadap sains dan persekitaran melalui pengalaman langsung.

**KAQ3073 Hubungan Keluarga, Komuniti Dan Budaya Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak**

**3 Kredit**

Kursus ini bertujuan memberi panduan dan kemahiran kepada ibu bapa tentang pendidikan anak-anak secara positif. Melalui kursus ini pelajar juga akan memperoleh pengetahuan dan meningkatkan kemahiran yang diperlukan dalam membina hubungan bersama kanak-kanak dan keluarga. Mereka didedahkan dengan kepelbagaiannya budaya dan strategi-strategi untuk menghormati perbezaan latar antara keluarga, komuniti dan keluarga.

**KAL3043 Pertumbuhan Dan Perkembangan Kanak-Kanak**

**3 Kredit**

Kursus ini menekankan konsep asas dalam psikologi perkembangan kanak-kanak. Perkembangan yang dibincangkan mencakupi aspek-aspek pertumbuhan mengikut peringkat umur kanak-kanak hingga remaja. Dua fokus perkembangan yang akan dibincangkan adalah aspek perkembangan fizikal, sosioemosi, kognitif dan kendir manakala fokus kedua pula akan membincangkan perkembangan dari sudut perkembangan sosial, kognitif dan moral dalam kalangan kanak-kanak. Kedua-dua fokus akan dibincangkan melalui tajuk-tajuk yang diberikan seperti; konsep pertumbuhan dan perkembangan, teori-teori pertumbuhan dan perkembangan, perkembangan semasa pranatal, perkembangan semasa bayi, perkembangan awal kanak-kanak, perkembangan akhir kanak-kanak, perkembangan remaja dan implikasi perkembangan sosioemosi, kognitif dan fizikal ke atas kanak-kanak.

**KAL3053 Perkembangan Kerohanian Dan Moral Kanak-Kanak**

**3 Kredit**

Kursus ini memberi pengetahuan pendidikan Islam dan Moral. Konsep Pendidikan Islam seperti akidah, akhlak dan fasawwur Islam diperkenalkan untuk pelajar menghayati topik-topik yang berkaitan dalam proses pendidikan Islam pada awal kanak-kanak. Pengetahuan pendidikan moral seperti pernyataan normatif, konsep asas nilai; teori dan sistem nilai; dan nilai agama/kepercayaan agama-agama utama. Juga bagaimana ingin mengajar menggunakan sukan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan pengasuhan yang bersesuaian dengan pendekatan pendidikan Islam dan Moral.

**KAB3053 Literasi Awal Bahasa Melayu****3 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang beberapa teori, model, pendekatan literasi awal. Pelbagai kaedah pembelajaran dan pengajaran literasi awal akan dilaksanakan dengan mengambil kira prinsip pendidikan awal kanak-kanak. Pelajar juga akan didedahkan dengan penyediaan persekitaran, organisasi literasi di dalam bilik darjah, kerjasama dengan ibu bapa di bilik darjah pendidikan awal.

**KAA3053 Falsafah, Polisi Dan Prinsip Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak****3 Kredit**

Kursus ini akan menganalisis CRC, Akta Kanak-kanak 2001, Akta Penubuhan Pusat Jagaan dan lain-lain akta yang berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar tentang falsafah dan juga tokoh-tokoh yang signifikan dalam bidang ini. Melalui kursus ini pelajar-pelajar akan didedahkan kepada prinsip pendidikan awal kanak-kanak oleh NAEYC. Melaluinya pelajar-pelajar akan membina falsafah, konsep dan juga prinsip pendidikan awal kanak-kanak mereka sendiri.

**KAA3043 Pengurusan Pusat Asuhan Dan Didikan Awal Kanak-kanak****3 Kredit**

Kursus ini akan memberi tumpuan kepada langkah-langkah penubuhan pusat pendidikan awal kanak-kanak yang berkaitan dengan perlesenan dan kebenaran. Kursus ini juga akan menumpukan kepada pengurusan dan pentadbiran pusat pendidikan awal dari segi perancangan pengurusan, dan pelaksanaan kurikulum, masa, ruang, sumber, inventori, personel, dan pemakanan agar perlaksanaan program dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

**KAC3013 Penyarangan Kanak-Kanak Istimewa****3 Kredit**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan melakukan pengesanan awal di kalangan kanak-kanak di Taska dan Tadika. Pengesanan awal melibatkan guru menguasai kemahiran membuat pemerhatian dan penaksiran perkembangan kanak-kanak, dan mengenali pasti perkembangan normal dan tidak normal. Guru juga perlu mengetahui pelbagai jenis keperluan khas kanak-kanak, daripada keperluan yang bersifat asas kepada keperluan khas bagi membantu kanak-kanak mengatasi cabaran disebabkan ketidakupayaan (disabilities). Setiap bakal guru dalam kursus ini akan didedahkan dengan semua jenis kecacatan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan untuk kanak-kanak yang menghadapi cabaran.

**KAR3996 Projek Tahun Akhir****6 Kredit**

Kursus ini menyediakan peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasi ilmu dalam konteks pengajaran sebenar di sekolah selama 16 minggu. Mereka akan diselia oleh seorang pensyarah dan guru pembimbing yang dilantik. Mereka perlu melaksanakan pengajaran dalam kelas, terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum dan segala aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

**SINOPSIS KURSUS  
PROGRAM PENDIDIKAN KHAS**

**KBK3073 Kanak-Kanak Berkeperluan Khas**

**3 Kredit**

Kursus ini bertujuan untuk membantu pelajar memahami kanak-kanak berkeperluan khas dan berisiko seperti kanak-kanak dengan pelbagai kerencatan, kerencatan anggota, penglihatan, pendengaran, terencat akal, masalah komunikasi dan tingkah laku, bermasalah pembelajaran, kanak-kanak kecerdasan tinggi termasuk kanak-kanak kepelbaian kecacatan. Kursus ini memperkenalkan asas-asas pendidikan khas, konsep keperluan khas dan peranan kumpulan pelbagai disiplin dalam pengurusan kanak-kanak berkeperluan khas. Pelajar akan membincangkan pendidikan khas sebagai lanjutan dari sistem pendidikan biasa.

**KBK3083 Dasar Dan Pengurusan Dalam Pendidikan Khas**

**3 Kredit**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada dasar-dasar pendidikan khas di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Ia juga bertujuan untuk mendedahkan pelajar tentang prinsip, pendekatan pengurusan dan pengelolaan program pendidikan khas tempatan. Penekanan khusus kepada khidmat sokongan yang disediakan kepada kanak-kanak berkeperluan khas juga dibincangkan.

**KBK3043 Pengurusan Tingkah Laku Dalam Pendidikan Khas**

**3 Kredit**

Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pelajar memahami faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak dan implikasinya dalam merekabentuk program dan pengurusan kanak-kanak berkeperluan khas didalam dan diluar bilik. Tumpuan kursus kepada teori-teori utama tingkah laku kanak-kanak; prinsip pengurusan kanak-kanak; cara menanam disiplin diri dan kawalan diri. Pendekatan komponen terapi carakerja turut ditekankan dalam intervensi dan pengurusan tingkah laku pendidikan khas.

**KBK3053 Kokurikulum dan Rekreasi**

**3 Kredit**

Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pelajar memahami asas pergerakan dan jenis-jenis aktiviti kokurikulum dan rekreasi suaian. Kursus ini juga akan menyentuh beberapa aspek peranan mainan, kaedah pengajaran pergerakan dan cara mengendalikan kegiatan rekreasi suaian yang bersuaian untuk murid pendidikan khas.

**KBK3063 Sokongan Komuniti Dalam Pendidikan Khas**

**3 Kredit**

Kursus ini mengkaji kolaborasi antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO) untuk mengenal pasti program-program perkhidmatan sokongan komuniti dalam bidang pendidikan khas. Isu-isu berkaitan sejarah, organisasi dan kurikulum pusat pemulihan dalam komuniti akan dibincangkan dalam sesi kuliah. Peserta kursus juga akan menjalankan latihan amali dibeberapa Pusat Pemulihan dalam Komuniti selama 30 jam.

**KBK3093 Intervensi Dalam Pendidikan Khas**

**3 Kredit**

Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pelajar memahami cara merekabentuk intervensi bagi kanak-kanak khas. Tumpuan kursus kepada pengenalan, penilaian dan jenis-jenis perkhidmatan sokongan sedia ada untuk keluarga kanak-kanak berkeperluan khas. Seterusnya mendedahkan dan meningkatkan pengetahuan dan kemampuan pelajar tentang peranan pasukan pelbagai disiplin dalam meningkatkan keupayaan kanak-kanak berkeperluan khas bagi mencapai tahap kehidupan yang lebih berkualiti.

**KBK3012 Kesihatan Seksual dan Reproksatif Murid Berkeperluan Khas****3 Kredit**

Kursus ni bertujuan untuk membantu pelajar memahami serta mengetahui isu-isu kesihatan seksual dan reproduktif semasa murid-murid berkeperluan khas. Selain daripada itu ia juga bertujuan untuk memahirkan pelajar dengan pendekatan yang boleh diaplikasikan untuk mengajar murid berkenaan tentang kesihatan seksual dan reproduktif. Ia juga bertujuan untuk menyedarkan pelajar tentang kepentingan berkomunikasi dengan ibu bapa dalam menangani masalah kesihatan seksual murid berkeperluan khas. Keselamatan diri serta pencegahan dari gejala gangguan dan penderaan seksual juga akan dibincangkan.

**KBC3013 Pintar Cerdas, Berbakat dan Kreatif****3 Kredit**

Kursus ini membincang dan menganalisis beberapa teori dan model tentang murid-murid pintar-cerdas, berbakat dan kreatif. Pelajar juga didedahkan tentang perbezaan karekter dan profil yang pelbagai murid pintar cerdas, berbakat dan kreatif juga bagaimana usaha dalam mengesan mereka. Kursus ini juga turut membincangkan perancangan program yang bersesuaian mengikut karekter dan profil. Selain itu, kursus ini juga menekankan titik pertembungan model Pendidikan Khas dan Rehabilitasi, di mana pelajar didedahkan bagaimana integrasi model rehabilitasi melalui terapi dalam pengajaran dan pembelajaran murid pintar cerdas.

**KBC3023 Perkembangan Fizikal, Emosi dan Sosial Kanak-Kanak Pintar Cerdas****3 Kredit**

Kursus ini membincangkan teori dan kajian yang berkaitan perkembangan fizikal, emosi dan sosial kanak-kanak Pintar Cerdas dan Berbakat. Pelajar akan dilatih mengesan ciri-ciri, isu-isu yang signikan dan faktor-faktor risiko yang berkaitan dengan perkembangan fizikal, sosial dan emosi kanak-kanak Pintar Cerdas. Pelajar juga akan dilatih dalam merancang dan mengaplikasikan program dan pengajaran dan pembelajaran yang mengikut keperluan perkembangan fizikal, emosi dan sosial kanak-kanak Pintar Cerdas.

**KBC3043 Keupayaan Kognitif dan Kepelbagaian Kecerdasan****3 Kredit**

Kursus ini membincangkan dan menganalisis beberapa teori perkembangan kognitif dan Kepelbagaian Kecerdasan. Kursus ini juga membincangkan pendekatan dalam menganalisis dan mengesan ciri-ciri perkembangan keupayaan kognitif dan kepelbagaian kecerdasan kanak-kanak Pintar Cerdas dan Berbakat. Pelajar juga akan didedahkan dengan kemahiran merancang dan menggubal kurikulum, serta strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian mengikut keperluan mereka yang berlainan antara satu sama lain. Pelajar juga dilatih secara amali untuk mengikuti perkembangan keupayaan kognitif dan kepelbagaian kecerdasan seorang kanak-kanak-pintar cerdas dan berbakat dan merangka strategi untuk memperkembangkan potensi mereka.

**KBC3053 Prinsip dan Strategi Pengajaran Kanak - Kanak Pintar Cerdas****3 Kredit**

Kursus ini membincang dan menganalisis beberapa teori dan model dalam bidang Pendidikan Pintar Cerdas dan Berbakat. Kemahiran ini akan mendorong pelajar untuk mengenalpasti dan seterusnya menentukan pendekatan yang bersesuaian dalam merancang dan menggubal program, kurikulum serta pengelompokan kanak-kanak Pintar Cerdas dan Berbakat. Pelajar juga dilatih dalam melaksanakan kurikulum diferensiasi yang berkualiti dalam memenuhi keperluan kanak-kanak pintar cerdas dan berbakat pelbagai kategori. Di akhir kursus, pelajar juga akan menilai semula keberkesanan program yang telah mereka rancang dan laksanakan.

**KBC3063 Bimbingan dan Kaunseling Kanak-Kanak Pintar Cerdas****3 Kredit**

Kursus ini membincangkan dan menganalisis beberapa teori dan pendekatan dalam proses kaunseling dan bimbingan murid-murid pintar cerdas. Pelajar dilatih untuk mengesan keperluan bimbingan dan kauseling murid-murid pintar cerdas. Pelajar juga dilatih secara amali untuk mengikuti perkembangan seorang individu pintar cerdas dan merangka strategi untuk memberi bimbingan dan kauseling kepada murid-murid pintar cerdas.

**KBD3063 Kod Tangan I**

**3 Kredit**

Kursus ini menumpukan kepada penguasaan kemahiran menggunakan Kod Tangan Bahasa Melayu ( KTBM ) dan Bahasa Inggeris secara reseptif dan ekspresif, para pelajar dalam kursus ini juga di dedahkan kepada cara-cara berkomunikasi dengan kanak-kanak bermasalah pendengaran melalui kod Tangan Bahasa Melayu. Kursus ini juga memerlukan peserta kursus meninjau penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) sebagai kaedah alternatif komunikasi murid bermasalah pendengaran, penggunaan teknologi dan pembinaan bahan-bahan berasaskan KTBM.

**KBD3023 Kod Tangan II**

**3 Kredit**

Kursus ini menumpukan kepada penguasaan kemahiran menggunakan Kod Tangan Bahasa Inggeris (*Manual Code English*) dan *American Sign Language (ASL)* secara reseptif dan ekspresif. Para pelajar dalam kursus ini juga di dedahkan kepada cara-cara berkomunikasi dengan kanak-kanak bermasalah pendengaran melalui Kod Tangan Bahasa Inggeris (*Manual Code English*) dan *American Sign Language (ASL)* sebagai kaedah alternatif komunikasi murid bermasalah pendengaran, penggunaan teknologi dan pembinaan bahan-bahan berasaskan MCE dan ASL.

**KBD3043 Audiologi**

**3 Kredit**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan asas proses pendengaran normal dan masalah pendengaran. Di samping itu peserta kursus diberi kemahiran menggunakan audiometer untuk menjalankan ujian pendengaran asas dan menganalisis audiogram. Peserta kursus juga didedahkan kepada aspek penyelenggaraan alat bantu dengar.

**KBD3053 Pemulihan Bahasa dan Pertuturan**

**3 Kredit**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan asas tentang proses pertuturan normal dan masalah berkaitan bahasa dan pertuturan khususnya melibatkan kanak-kanak bermasalah pendengaran. Di samping itu, peserta kursus diberi pendedahan umum tentang kemahiran menggunakan bahan dan instrumen penilaian dan diagnosis bahasa dan pertuturan. Peserta kursus juga akan mendapat pengetahuan asas tentang proses pemulihan bahasa dan pertuturan.

**KBD3033 Prinsip dan Strategi Pengajaran Kanak-Kanak Bermasalah Pendengaran** **3 Kredit**

Kursus ini menumpukan kepada teknik dan kaedah pengajaran serta penggunaan alat-alat penaksiran untuk menentukan kebolehan pembelajaran, kurikulum dan strategi pengajaran bagi murid-murid bermasalah pendengaran. Asas-asas pemulihan mengikut tahap keterukan dan adaptasi amalan pendidikan akan dibincangkan mengikut keadaan kecacatan/keistimewaan. Kursus ini juga memerlukan pelajar meninjau penggunaan teknologi dan pembinaan bahan-bahan untuk membantu proses pengajaran bagi satu kumpulan sasaran keperluan khas.

**KBL3063 Literasi Braille I**

**3 Kredit**

Kursus ini menumpukan kepada penguasaan kemahiran kod Braille Bahasa Melayu. Pelajar kursus ini juga didedahkan kepada teknik-teknik menulis pindah teks tulisan biasa kepada kod Braille dan daripada kod Braille kepada teks tulisan biasa. Selain daripada itu, para pelajar juga akan didedahkan kepada cara-cara menggunakan slate dan stylus sebagai satu alternatif kepada mesin Braille.

**KBL3023 Literasi Braille II**

**3 Kredit**

Kursus ini menumpukan kepada penguasaan kemahiran kod Braille Bahasa Inggeris. Pelajar kursus ini juga didedahkan kepada teknik-teknik menulis pindah teks tulisan biasa kepada kod Braille dan daripada kod Braille kepada teks tulisan biasa. Selain daripada itu, para pelajar juga akan didedahkan kepada cara-cara menggunakan slate dan stylus sebagai satu alternatif kepada mesin Braille.

**KBL3033 Prinsip dan Strategi Pengajaran Kanak-Kanak Bermasalah Penglihatan 3 Kredit**

Kursus ini bertujuan memberi pengenalan dan kemahiran asas kepada prinsip dan strategi pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah penglihatan. Kemahiran asas yang diperkenalkan ialah sebab-sebab kecacatan dan implikasi dalam pendidikan; perkembangan murid bermasalah penglihatan; anatomi, fisiologi dan penyakit mata; perkembangan kognitif, afektif, dan psikomotor; low vision; pengenalan kepada pengajaran tulisan Braille; teknik-teknik penghasilan gambar rajah timbul; peranan dan fungsi guru khas dan ahli kesihatan dalam pelbagai program pendidikan khas bermasalah penglihatan; serta konsep RPI, kepentingan, penyediaan dan perlaksanaannya.

**KBL3043 Orientasi dan Mobiliti 3 Kredit**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kemahirankemahiran asas dalam Orientasi dan Mobiliti. Penekanan akan diberi kepada konsepkonsep asas dan teknik-teknik bergerak dengan bantuan jurupandu dan tanpa bantuannya. Kursus ini memerlukan pelajar menjalani latihan dan ujian amali untuk melihat penguasaan kemahiran, konsep asas dan teknik-teknik bergerak dengan bantuan dan tanpa bantuan. Pendedahan kepada peranan pemulihan dapat menambah nilai kepada pelajar bagi menguruskan kemahiran-kemahiran orientasi dan mobiliti dengan lebih baik.

**KBL3053 ICT Murid Bermasalah Penglihatan 3 Kredit**

Kursus ini bertujuan memperkenalkan dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kemahirankemahiran asas ICT bagi pelajar bermasalah penglihatan. Penekanan akan diberi kepada Duxbury Braille Translator (DBT), pembaca skrin Non-Visual Desktop Access (NVDA), penghasilan gambar rajah timbul berkomputer; Tactile Graphic Designer (TGD) dan Open Book.

**KBP3013 Murid-Murid Pemulihan Khas dan Masalah Pembelajaran Khusus Disleksia 3 Kredit**

Kursus ini mendedahkan peserta kursus kepada definisi operasi dan ciri-ciri murid bermasalah pembelajaran khusus disleksia dan pemulihan khas. Perbincangan akan dibuat tentang kaedah yang digunakan untuk menyaring murid-murid kategori berikut dan faktor penyebab ia berlaku. Penerangan juga akan dibuat tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk murid-murid ini serta kemudahan perkhidmatan pendidikan yang disediakan.

**KBP3043 Kurikulum dan Penaksiran Murid Bermasalah Pembelajaran 3 Kredit**

Kursus ini membincangkan kurikulum untuk murid-murid bermasalah pembelajaran. Pelajar juga akan didedahkan kepada cara perlaksanaan analisa tugas dan Rancangan Pendidikan Individu (RPI). Selain itu, pelajar akan diberi pengetahuan dan latihan tentang pedagogi pengajaran dan pembelajaran murid-murid bermasalah pembelajaran. Jenis-jenis penaksiran bagi murid-murid ini juga akan dibincangkan.

**KBP3033 Pendidikan Seni, Muzik dan Kraftangan Dalam Pendidikan Khas 3 Kredit**

Kursus ini bertujuan untuk membolehkan pelajar memperolehi kemahiran asas menggunakan muzik dalam pengajaran murid khas melalui nyanyian, permainan alat perkusi dan gerakan. Kursus ini juga akan menyentuh beberapa aspek kaedah pengajaran seni dan kraftangan untuk murid bermasalah pembelajaran. Peserta kursus didedahkan dengan latihan koordinasi deria dalam aktiviti catan, kolaj, anyaman dan binaan.

**KBP3073 Literasi dan Numerasi Dalam Pendidikan Khas**

**3 Kredit**

Kursus ini mendedahkan peserta kursus kepada bentuk, fungsi, dan kepentingan Matematik dan Sains kepada murid bermasalah pembelajaran. Penekanan diberi kepada aspek-aspek pengesahan masalah pembelajaran dengan memberi tumpuan kepada pembentukan kemahiran menaksir, merancang, melaksana, dan menyelesaikan masalah. Selain dari itu beberapa teknik pengajaran dan pembelajaran dan penyediaan bahan bantu mengajar khusus untuk murid bermasalah pembelajaran juga didedahkan kepada peserta kursus.

**KBP3083 Latihan Kemahiran Hidup dan Pravokasional**

**3 Kredit**

Kursus ini memberi tumpuan kepada beberapa kemahiran strategi pengajaran yang diperlukan untuk membantu murid-murid berpendidikan khas mengurus hal-hal kehidupan sehari-hari yang diperlukan. Kursus ini juga bertujuan untuk membolehkan pelajar mengenal pasti bentuk Kemahiran Hidup, pravokasional dan asas vokasional dengan tahap kefungsian murid berpendidikan khas.

**KBR3016 Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan Khas**

**6 Kredit**

Kursus ini memberi pengenalan kepada kaedah melaksanakan penyelidikan dalam pendidikan khas. Ini dapat membantu dalam memahami proses penyelidikan secara keseluruhannya. Kemahiran pengiraan dan penggunaan alat analisis data kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam melaksanakan analisis data secara sistematis serta memahaminya logiknya. Penerangan konsep penyelidikan, reka bentuk, prosedur, persampelan, pengukuran dan statistik digunakan bagi mengukuhkan lagi kefahaman.

**SINOPSIS LATIHAN MENGAJAR**

**KPR3028 Latihan Mengajar**

**8 Kredit**

Kursus ini menyediakan peluang kepada para pelajar untuk mengaplikasi ilmu dalam konteks pengajaran sebenar di sekolah selama 16 minggu. Mereka akan diselia oleh seorang pensyarah dan guru pembimbing yang dilantik. Mereka perlu melaksanakan pengajaran dalam kelas, terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum dan segala aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

## UMUM

### Kemudahan fizikal Fakulti

Pentadbiran Fakulti Pembangunan Manusia terletak di Blok 7, 8 dan 9 di mana merangkumi pejabat Dekan, Timbalan Dekan, Ketua-Ketua Jabatan dan Pejabat Am 1 (Blok 9), Pejabat Am 1 (Blok 7) dan bilik-bilik pensyarah fakulti.

Bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran, fakulti menyediakan bilik-bilik dan makmal-makmal yang lengkap dengan peralatan untuk pengajaran dan pembelajaran seperti berikut:

- Makmal Komputer
- Makmal Pembelajaran Mikro
- Makmal Kaunseling
- Wellness Centre
- Makmal Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- Makmal Braille
- Makmal Masalah Pembelajaran
- Makmal Masalah Pendengaran
- Bilik Pengajian Siswazah
- Makmal Psikologi
- MTEKS

Sebahagian makmal tersebut dilengkapi dengan kemudahan audio-visual iaitu LCD untuk kemudahan para pelajar.

## SAHSIAH DIRI PELAJAR

### Pakaian Pelajar Lelaki

- a. Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang mahasiswa universiti iaitu kemas, berseluar panjang dengan berbaju kemeja lengan panjang, bertali leher, pakaian kebangsaan atau etnik yang sesuai. Bahagian bawah baju hendaklah dimasukkan ke dalam bahagian seluar pada paras pinggang.
- b. Berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju. Fesyen rambut tidak keterlaluan dan perlu bersesuaian dan kemas.
- c. Memakai seluar panjang yang bersih, kemas dan sopan. Pakaian jeans tidak dibenarkan sama sekali.
- d. Memakai pakaian sukan yang sesuai semasa bersukan atau berekreasi.
- e. Memakai kasut kulit hitam dan berstokin.

### Pakaian Pelajar Perempuan

- a. Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang mahasiswa universiti, berbaju kurung, kebaya labuh, kebarung atau pakaian etnik masing-masing yang sesuai, kemas dan tidak menjolok mata. Baju mestilah berlengan dan tidak sendat serta tidak menunjukkan bentuk tubuh badan.
- b. Pelajar Islam digalakkan bertudung tetapi tidak menutup sebahagian atau seluruh daripada muka (berpurdah).
- c. Memakai kain atau skirt labuhnya hendaklah di bawah paras lutut.
- d. Memakai seluar yang bersesuaian, bersih dan sopan, pakaian jeans tidak dibenarkan.
- e. Memakai alat solek, aksesori dan pewangi secara sederhana.
- f. Memakai kasut yang menutupi jari kaki, lereng kaki dan tumit.

### **Alamat Perhubungan Dengan Fakulti**

Fakulti Pembangunan Manusia  
Kampus Sultan Azlan Shah  
Universiti Pendidikan Sutan Idris  
35900 Tanjong Malim  
Perak Darul Ridzuan

Telefon : 015-4879 7501/7502/7503/7681  
Faks : 015-4879 7279  
Laman sesawang : <http://fpm.upsi.edu.my>  
FB Page : [fpmpage.upsi](#)

### **Waktu Berurusan Dengan Fakulti**

Isnin – Khamis : 08:15 pagi – 04:45 petang  
Jumaat : 08:15 pagi – 12.15 tengahari  
: 02.45 petang – 04:45 petang

## SENARAI DIREKTORI

PEJABAT / JABATAN	BAHAGIAN / UNIT	NO. TELEFON
<b>HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI</b>	<b>Pusat Perhubungan Alumni</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506292 Fax : 05-4597487
	<b>Pusat Kebudayaan</b> Pejabat Am	Tel : 05-4505325 Fax : 05-4583606
	<b>Pusat Kesihatan</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506668 Fax : 05-4582616
	<b>Pusat Sukan</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506550 / 6545 Fax : 05-4585137
	<b>Pusat Penasihat dan Penempatan Kerjaya Graduan (3PKG)</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506774 / 5168 Fax : 05-4583606 / 4599327
	<b>Bahagian Pembangunan Sahsiah pelajar</b>	Tel : 05-45065438 Fax : 05-4583606
	<b>Unit Kewangan &amp; Kebajikan Pelajar</b>	Tel : 05-4505334 Hotline: 019-5719977 Fax : 05-4583606
	<b>Unit Perkhidmatan Pelajar</b>	Tel : 05-4505338 Fax : 05-4583606
	<b>Unit Perumahan Pelajar</b>	Tel : 05-4506964 / 015-48797880 Fax : 05-4581834
<b>BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK</b>	<b>Unit Perundangan Pelajar</b>	Tel : 05-4506292 Fax : 05-4586165
	<b>Unit Kemasukan</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506932 Fax : 05-4582670
	<b>Unit Pendaftaran</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506992 Fax : 05-4582670
	<b>Unit Peperiksaan</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506321 Fax : 05-4582670
	<b>Unit Pentadbiran, Kewangan &amp; Senat</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506313 Fax : 05-4582670
	<b>Unit Pengijazahan</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506994 Fax : 05-4582670
	<b>Unit Perancangan &amp; Pembangunan Akademik</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506992 Fax : 05-4582670
<b>BENDAHARI</b>	<b>Unit Sistem Maklumat Akademik dan Rekod</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506614 Fax : 05-4582670
	<b>Unit Kewangan Pelajar dan Kolej</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506309 / 015-48797733 Fax : 05-4596211
<b>PERPUSTAKAAN</b>	<b>Unit Pentadbiran</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506821 / 6796 Fax : 05-4581599
<b>BAHAGIAN KESELAMATAN</b>	<b>Unit Kewangan Pelajar dan Kolej</b> Pejabat Am	Tel : 05-4506810 / 6812 / 6987 Fax : 05- 4581543

<b>PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI ( ICT )</b>	<b>Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS)</b> Pejabat Am (Hotline)	KSAS : 05-4505826 / 5946 Mobile : 013-4507973 Fax : 05-4581600
	<b>Kampus Sultan Abd Jalil Shah (KSAJ)</b> Kaunter / Hotline	KJAS : 015-4879 / 7227 Mobile : 017-2687973

PEJABAT / JABATAN	BAHAGIAN / UNIT	NO. TELEFON
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN (FMSP)	Pejabat Am	Tel : 05-4506702/ 6901/6726 Fax : 05-4583602
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (FBK)	Pejabat Am	Tel : 05-4506038/6036/ 6030 Fax : 05-4583603
FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK (FSMT)	Pejabat Am	Tel : 015-48797526/7205/7331/7473 Fax : 015-48797296
FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (FPM)	Pejabat Am	Tel : 015-48797503 / 7502 / 7681 Fax : 015-48797279
FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF (FSKIK)	Pejabat Am	Tel : 05-4505921/ 5923/ 5924 Fax : 05-4582615
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (FPE)	Pejabat Am	Tel : 015-48797771/ 7772/ 7780 Fax : 015-48797295
FAKULTI SAINS KEMANUSIAN (FSK)	Pejabat Am	Tel : 05-4505047/ 6621 / 5048 Fax : 05-4598606
FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN (FSSKj)	Pejabat Am	Tel : 015-48797172/ 7176/ 7165 Fax : 05-4597211
FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (FTV)	Pejabat Am	Tel :05-4506656/ 6644/ 6657/ 6658 Fax : 05-4585893

